



PERJELASKAN: BBC yang diketuai pengerusinya, Shahrir (kanan) mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir di pejabatnya di Yayasan Kepimpinan Perdana, semalam.

FAKTA

Cadangan untuk Dasar Automotif Negara

- Kaji Semula status pengeluar kereta nasional terhadap Proton, Perodua, Naza dan Inokom
- Status kereta nasional perlu mempunyai kandungan komponen tempatan pada tahap tertentu serta pegangan ekuiti tempatan
- Dasar Automotif Negara perlu mengambil kira kedudukan Proton dan pasarannya
- Wujudkan badan mengawasi kemasukan kereta import
- Sekat kemasukan kereta asing
- Pemberian AP lebih telus dan kenakan levi RM500 setiap AP
- Jadikan Proton kereta nasional untuk tembusi pasaran Asean
- Berikan geran untuk vendor tempatan
- Susun semula Miti terutama bahagian dasar dan pelaksanaan

BBC minta kaji semula kriteria kereta nasional

Miti gagal laksana dasar pemberian AP dengan sempurna

Oleh Kadir Dikoh dan Ridzuan Yop

PUTRAJAYA: Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BBC) semalam mendesak kerajaan menilai semula kriteria pemberian status syarikat pengeluar kereta nasional dengan mengenakan syarat dan keperluan tertentu.

Pada masa sama, BBC turut meletakkan tanggungjawab terhadap Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) yang gagal melaksanakan dasar pemberian permit import (AP) dengan sempurna termasuk menasihati atau menegur Menteri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Pengerusi BBC, Datuk Shahrir Abdul Samad yang mengetuai lapan anggota kelab itu menemui Tun Dr Mahathir Mohamad selama kira-kira 80 minit di sini, semalam, menggariskan beberapa cadangan baru untuk dimasukkan dalam Dasar Automotif Negara.

Bercakap pada sidang media selepas pertemuan dengan Dr Mahathir, Shahrir berkata perlu diadakan kajian untuk status syarikat yang dikenali sebagai pengeluar kereta nasional iaitu - Proton, Perodua, Naza dan Inokom.

Shahrir berkata, pertemuan itu bagi mendapat pandangan bekas Perdana Menteri mengenai isu AP dan hala tuju dasar automotif negara tetapi tidak mengulas sama ada Tun Mahathir yang juga penasihat Proton menyenut mengenai kontroversi AP.

Pada 16 Ogos ini pula, ahli BBC akan menemui Rafidah serta pegawai kanan kementerinya bagi mendapat pandangan serta penjelasan beberapa perkara yang masih menjadi tanda tanya terutama dasar pemberian AP.

"Tujuan pertemuan (dengan Dr Mahathir dan Rafidah) ialah mengumpul maklumat sebagai input kepada dasar automotif negara yang akan kami kemukakan kepada kerajaan nanti.

"Kami juga ingin tahu mengenai AP. Dikatakan pada 2003, ada 20,000 AP dikeluarkan, pada 2004 pula ada 60,000. Kenyataan Miti pada 28 Julai lalu menyebut jumlah yang dikeluarkan

berdasarkan kepada 10 peratus pengeluaran kereta penumpang dan komersial," katanya.

Mengenai kedudukan Rafidah selaku Menteri, Shahrir bagaimanapun berkata pihaknya tidak melihat isu itu kepada 'hal peribadi... kerana kepentingan nasional diutamakan'.

Sementara itu, pada sesi Dialog Bersama Proton, di Kuala Lumpur, malam tadi, Dr Mahathir berkata, regim percukaian lebih rendah terhadap kenderaan pelbagai guna (MPV), menggalakkan rakyat menggunakan kenderaan yang rata-ratanya berkuasa besar sekali gus meningkatkan penggunaan petrol.

Beliau berkata, meskipun dengan jangkaan stok minyak mentah negara dijangka habis beberapa tahun selepas 2020, kerajaan tidak mahu rakyat berhenti menggunakan kereta kerana Malaysia ada industri kereta nasional yang perlu terus disokong.

Sebab itulah katanya, kerajaan selama ini sentiasa menggalakkan rakyat menggunakan kereta kompak dan berkuasa kurang dua liter kerana selain ekonomikal, ia juga kurang menggunakan minyak dan kurang mencemarkan alam sekitar.

"Bagaimanapun, tren sekarang menunjukkan lebih ramai rakyat memilih kereta besar terutama MPV yang berkuasa besar kerana harganya tidak begitu mahal disebabkan MPV dikenakan cukai yang rendah berbanding kereta penumpang.

"MPV ialah tren global terutama di

Amerika Syarikat kerana mereka (pengguna di sana) sudah biasa dengan harga minyak yang murah," katanya

Sesi dialog itu dipengerusikan bekas pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM), Datuk Prof Dr Amir Awang dan turut disertai ahli panel pensyarah Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-undang UUM, Prof Dr Mansoor Mohd Noor, Dekan Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden UUM, Prof Madya Dr Nuraini Yusoff dan penulis majalah Executive Intelligent Review, Murriel Mirak Weissbach.

Pada sesi dialog itu yang dianjurkan oleh Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad, Dr Mahathir turut mengupas pelbagai isu semasa, termasuk ekonomi antarabangsa, perang Iraq, dasar penswastan, keganasan dan nilai keluarga yang dipengaruhinya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, menyedari stok minyak dalam negara semakin berkurangan, Petronas meneroka pasaran asing untuk mencari sumber minyak baru bagi membolehkan kita mendapat bekalan minyak dari luar negara.

Beliau berkata, menjelang 2020 kita ada banyak cara lain untuk mendapatkan sumber bahan bakar selain produk petroleum kerana ada sumber lain seperti minyak sawit.

Tanpa penemuan telaga baru, simpanan minyak negara akan habis dalam tempoh 19 tahun.

**Sudah sampai
masanya
membetulkan
keadaan di mana
kalau ada sebuah
syarikat kereta
nasional, mesti ada
syarat yang sama
dikenakan pada
syarikat lain"**

Shahrir Abdul Samad
Pengerusi BBC